

Headline	Jangan musnahkan alam sekitar		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	14	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	285 cm <sup>2</sup>
Journalist	Zulkifli Manzor	AdValue	RM 7,396
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,188



# Kerajaan negeri diminta bertindak proaktif lindungi hutan paya bakau

## Jangan musnahkan alam sekitar

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**K**UALA LUMPUR – Kerajaan negeri diminta memainkan peranan proaktif untuk memastikan alam sekitar tidak terjejas walaupun terdapat aktiviti pembangunan yang mahu dilaksanakan di peringkat negeri.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya bimbang dengan kemusnahan alam sekitar yang diakibatkan oleh pembangunan yang diluluskan oleh kerajaan negeri.

Beliau memberi contoh projek akuakultur yang dirancang di kawasan seluas 200 hektar di hutan paya bakau Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang bakal memusnahkan hutan paya bakau di kawasan terse-

but.

“Saya telah katakan (Jabatan Alam Sekitar) tidak akan luluskan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) untuk projek itu maka kawasan itu tidak boleh diterokai dan pokok-pokoknya jangan ditebang.

“Kerajaan negeri perlu turut memainkan peranan dalam melindungi kawasan hutan itu berdasarkan arahan dan larangan kerajaan Pusat kerana penguatkuasaan di bawah kerajaan negeri,” katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Annuar Abd. Manap (BN-Sekijang) yang mahu mengetahui langkah-

langkah yang diambil oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia untuk memulihara pokok-pokok dalam hutan daripada ancaman kepupusan.

*Kosmo!* pada 2 Mac lalu melaporkan rancangan sekumpulan individu untuk memusnahkan hutan paya bakau Penaga yang pernah menjadi benteng penghalang bencana tsunami untuk dijadikan projek akuakultur.

Bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar menolak Terma Rujukan untuk Laporan EIA yang dikemukakan Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang bagi projek tersebut di hutan paya bakau itu.



KERATAN *Kosmo!* 2 Mac 2016.



KERAJAAN negeri diminta melindungi kawasan paya bakau dengan tidak memusnahkannya demi kepentingan alam sekitar. – Gambar hiasan